

[Singapura](#)

Penulis lega kerana saranan bertepatan dengan fatwa terbaru Muis

ENCIK Sadali Rasban, penulis 13 buku mengenai pembahagian harta pusaka, berasa lega apabila Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) mengeluarkan fatwa berkaitan isu penamaan (nomination) bagi wang Tabung Simpanan Pekerja (CPF).

Ini kerana beliau selama ini berpendirian dan pernah menyarankan supaya wang CPF si mati disifatkan sebagai hibah kepada penama mereka bagi mengelak pertikaian dan rebutan harta dalam kalangan ahli waris.

Saranannya itu terkandung dalam buku berjudul Muslim Law In Wealth & Estate Transfer yang diterbitkan bersama Dr Ismail Mohd Abu Hassan, pensyarah Univeristi Islam Antarabangsa (UIA), Malaysia, baru-baru ini.

Dalam bukunya itu, Encik Sadali, 51 tahun, menyarankan agar fatwa yang dikeluarkan pada 1971 - menetapkan penama hanya sebagai pengamanah dan wang CPF diagihkan secara faraid - dimansuhkan.

Sebagai ganti, wang pencarum CPF yang telah meninggal dunia hendaklah dianggap hibah kepada penama dan tidak boleh dituntut secara faraid oleh ahli waris.

Encik Sadali adalah pemilik HTH Advisory Services Pte Ltd, sebuah firma perunding cara pembahagian harta pusaka.

Beliau memiliki ijazah sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perkhidmatan Kewangan) daripada Universiti Vancouver, Canada; Diploma dalam Hukum Islam daripada Universiti Kebangsaan Malaysia; dan Diploma Perbankan dan Kewangan Islam daripada UIA.

Fatwa terkini Muis yang dikeluarkan pada 23 September lalu menetapkan bahawa wang CPF si mati kini disifatkan sebagai hibah atau hadiah si mati kepada penama atau nominee dan penama bukan lagi sebagai pengamanah menurut fatwa sebelum ini.

Namun, ahli waris boleh menuntut secara faraid seandainya si mati tidak mencalonkan penama.

'Memang saya dah lama menguar-uarkan agar wang CPF peninggalan si mati biarlah menjadi hak penuh mereka yang masih hidup untuk menyara keluarga dan pendidikan anak-anak yang ditinggalkan.

'Ini kerana dah berlaku banyak perbalahan keluarga yang menyaksikan isteri dan anak-anak si mati hanya mendapat sebahagian kecil wang CPF peninggalan si suami kerana ibu bapa dan adik-beradik menuntut bahagian masing-masing secara faraid.

'Bagi saya, fatwa Muis itu merupakan satu langkah ke hadapan bagi menyelesaikan masalah perebutan harta yang berlaku dalam masyarakat kita.

'Sekarang masyarakat Islam mempunyai pilihan lebih jelas... calonkan penama bagi CPF agar wang itu dapat dimanfaatkan oleh anggota keluarga atau tidak membuat sebarang penamaan untuk membahagikan wang CPF-nya kepada ahli waris,' tambahnya.